BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

NAMA : TARIKH :
KELAS : HARI :

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Aku Sebagai Sebuah Tabung

mengira	berkhidmat	wang kertas dan syiling	dengan wang
mengumpul	ramai pengunjung	kedai cenderamata	sebuah bank



Aku sebagai sebuah tabung. Aku dipamerkan di sebuah _____. Aku diletakkan di atas rak kaca. Setiap hari _____ yang datang melihatku. Pada suatu hari, seorang budak lelaki telah membeliku. Aku dibawa pulang ke rumah. Aku diletakkan di atas almari di dalam biliknya. Setiap hari aku diisi _____. Terdapat pelbagai _____ di dalam badanku. Aku berasa bangga kerana budak lelaki itu menjagaku dengan baik.

Beberapa bulan kemudian, badanku pun penuh dengan wang. Budak lelaki itu berasa sangat gembira. Pada suatu hari, aku dibawa ke


LIVEWORKSHEETS

_____. Pegawai bank itu mengambil aku, lalu _____ wang yang terkumpul.

Aku berasa gembira kerana tuan aku berjaya _____ wang sebanyak RM300.00 dalam masa lima bulan. Tuan aku tersenyum lebar dan terus menyimpan wang tersebut ke dalam akaunnya. Aku masih lagi _____ dengan setia dan dijaga dengan baik.

LIVEWORKSHEETS

B. Padankan gambar berikut dengan ayat yang sesuai.

	Kambing meragut rumput di padang.
	Saya memakai payung semasa hari hujan.
	Rina suka menyanyi lagu.
	Anjing itu sedang menggonggong tulang.

LIVEWORKSHEETS

	Abang menjolok manga dengan galah.
	Rosli terlantar di rumah kerana sakit.
	Ibu memasak rendang di dapur.
	Saya bermain bola setiap petang.
	Amalina pandai menjahit baju.

LIVEWORKSHEETS





Puan Gina menyidai baju yang telah dicuci di ampaian pada waktu pagi.

Sofia mencuci tandas yang kotor dengan menggunakan berus.

LIVEWORKSHEETS


C. Bina 5 ayat mudah berdasarkan gambar yang diberikan.



Siapa	Pelakuan	Perkara
Contoh: Pasangan pengantin itu	*duduk*	*di atas pelamin.*

1. *Pasangan pengantin itu duduk di atas pelamin.*
2.
3.
4.
5.

LIVEWORKSHEETS



Siapa	Pelakuan	Perkara

1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

LIVEWORKSHEETS

D. <u>Fahami petikan berikut dan lengkapkan peta minda tersebut.</u>

Usahawan Beras




Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad ialah pengasas jenama Beras Faiza. Beliau berasal dari Mesir. Beliau mula berkecimpung dalam perniagaan sejak kecil, iaitu dengan menjadi juruwang di kedai makanan milik bapanya. Pengalaman tersebut mendorong Hajah Faiza untuk bergiat dalam bidang perniagaan.

Setelah berkahwin dan mempunyai cahaya mata yang pertama, Hajah Faiza mengikut suaminya pulang ke Malaysia. Beliau yang tidak boleh duduk diam, mula mengambil upah menjahit. Selain itu, beliau juga menjual rempah kari secara kecil-kecilan sejak tahun 1968. Keuntungan yang diperoleh, dijadikannya modal untuk membuka kedai runcit. Dari situlah bermula perniagaan Hajah Faiza.

Hajah Faiza seorang wanita yang tegas demi memastikan syarikatnya sentiasa memperoleh keuntungan saban tahun. Oleh itu, beliau mula mengembangkan perniagaan dengan menjadi pemborong beras. Beliau menjual pelbagai jenis beras seperti Taj Mahal, basmathi, beras wangi, beras tempatan dan beras Siam. Perniagaan berasnya mendapat sambutan daripada masyarakat sekeliling. Berasnya berkualiti tinggi dan dijamin halal.

Hasil kerja kerasnya, beliau berjaya memiliki kilang yang bernilai RM14 juta di Batu Pahat, Johor. Beliau berhasrat untuk menjadi pembayar zakat terbesar di Malaysia dan menaja program televisyen *Bersamamu*. Kejayaan beliau wajar dicontohi oleh rakyat Malaysia.

LIVEWORKSHEETS



LIVEWORKSHEETS